

18 NOVEMBER 2024

**PENUBUHAN
TECHNOLOGY AND TECHNICAL PROFESSIONAL
DEVELOPMENT COUNCIL (TPDC)**

Selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 6(2)(g) Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), iaitu “Lembaga boleh menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi”, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menubuhkan ***Technology and Technical Professional Development Council (TPDC)***. TPDC bertujuan untuk memastikan jaminan kualiti terhadap program latihan dan kursus pendek dalam bidang teknologi dan teknikal. Ia adalah sejajar dengan **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030** dalam meningkatkan kecekapan dan profesionalisme modal insan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi di negara ini.

TPDC akan melaksanakan dua fungsi utama iaitu;

i. **Jaminan Kualiti Kursus Pendek**

TPDC akan memastikan jaminan kualiti serta piawaian bagi program kursus pendek dalam bidang teknologi dan teknikal yang dikendalikan oleh penyedia latihan dan pusat bertauliah. Kerangka jaminan kualiti ini dibangunkan dengan kerjasama pemegang taruh utama seperti Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRDCorp), penyedia latihan dan wakil industri.

Kursus pendek yang diiktiraf MBOT adalah terjamin dalam aspek kualiti dan piawaian yang memenuhi keperluan industri.

ii. ***Professional Technical Certification (PTC)***

MBOT telah memetakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) terhadap bidang teknologi dan teknikal yang diiktiraf oleh MBOT. Pemetaan juga dijalankan bagi memastikan NOSS yang berkaitan adalah selari dengan perkhidmatan teknikal yang digariskan oleh Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) yang merangkumi pengujian produk, pentauliahkan produk, dan penyenggaraan produk.

Dengan ini, para graduan daripada program yang diiktiraf sebagai *Professional Technical Certification* berpeluang dalam kemajuan kerjaya sebagai profesional untuk berdaftar sebagai Juruteknik Berkelayakan dan seterusnya sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc.).

Penubuhan TPDC akan memastikan program-program latihan dan kemahiran yang ditawarkan mencapai piawaian kompetensi dalam aspek teknologi dan teknikal seperti yang diperuntukkan dalam Akta 768.

TPDC akan dipengerusikan oleh YBrs. Ts. Dr. Mahaletchumy Arujanan, Anggota Lembaga MBOT dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada industri, akademik dan agensi Kerajaan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di tpds@mbot.org.my.

Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Teknologis Malaysia
t.nabila@mbot.org.my